

**Kerajaan BN pimpinan Najib pilihan terbaik untuk rakyat Sabah, kata Jothi**  
**The Malaysian Insider**  
**22 Mei, 2012**

LAHAD DATU, 22 Mei — Kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak adalah pilihan terbaik bagi rakyat Sabah pada pilihan raya umum akan datang, kata Pengerusi Badan Perhubungan MIC Negeri Datuk V. Jothi.

Beliau berkata pelbagai strategi telah dirangka oleh kerajaan bagi membantu rakyat tanpa mengira bangsa dan agama menerusi program transformasi negara.

Sambil memberi contoh belanjawan 2012, Jothi berkata belanjawan yang diumumkan oleh Najib itu merupakan belanjawan membela rakyat dan mensejahterakan negara.

“Oleh itu, berilah sokongan padu kepada kerajaan pusat di bawah pimpinan Najib dan Datuk Seri Musa Aman (Ketua Menteri) di peringkat negeri,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Jothi yang berada di Lahad Datu untuk mengadakan perjumpaan bersama rakyat khususnya penyokong MIC berkata antara transformasi yang dilaksanakan oleh kerajaan ialah bantuan persekolahan, tabung khas bagi membantu pembaikan sekolah, program perumahan rakyat dan program transformasi luar bandar.

“Kerajaan BN adalah sebuah kerajaan yang benar-benar dibentuk berasaskan aspirasi rakyat dan pilihan rakyat pelbagai kaum di negara ini, dan kerajaan BN sepatutnya menjadi kerajaan selamanya,” katanya.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kerajaan-bn-pimpinan-najib-pilihan-terbaik-untuk-rakyat-sabah-kata-jothi/>